



SIARAN AKHBAR

Untuk Hebahan Segera

GREAT EASTERN TAKAFUL RAIKAN WARGA EMAS DI RUMAH AL-FIKRAH, KAJANG (WARGA TERDAMPAR) SEMPENA RAMADHAN

Kajang, 23 Julai - Great Eastern Takaful Sdn Bhd bersama warga kerja telah bersama-sama meraikan warga emas Pusat Jagaan Al-Fikrah (warga terdampar) seramai lebih 30 orang. Pada majlis tersebut turut disalurkan sumbangan wang zakat, wang derma dan barangan kegunaan untuk para penghuni rumah kebajikan tersebut.

Sumbangan tersebut telah disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Takaful, En. Zafri Ab Halim kepada Pengerusi Haji Mohd Azmi bin Md. Zin, Pusat Jagaan Al-Fikrah Malaysia.

"Kami meraikan warga emas yang menghuni di sini yang amat memerlukan bantuan dari segi kewangan, barangan dan juga perhatian dari masyarakat. Sempena Ramadhan kali ini, GETSB dengan penuh keperhatian menyalurkan sumbangan barangan kegunaan harian, makanan, wang derma dan juga sumbangan zakat kepada Persatuan Kebajikan Al-Fikrah" katanya.

"Inisiatif seumpama ini bukan hanya tertumpu pada bulan Ramadhan, malah diadakan beberapa kali dalam setahun oleh warga GETSB untuk menerapkan nilai-nilai murni dan rasa tanggungjawab yang berterusan kepada mereka yang memerlukan. Selain menyalurkan sumbangan, warga GETSB juga turut berpeluang beramah mesra bersama penghuni-penghuni disini", tambah beliau.

Pusat Jagaan Al-Fikrah menempatkan seramai 24 orang warga emas yang kebanyakan mengidap penyakit kritikal, lumpuh, saraf dan sebagainya. Penghuni di sini adalah mereka yang tiada tempat tinggal selepas keluar dari hospital atau tidak lagi mampu

dijaga oleh keluarga sendiri kerana kesempitan hidup. Mereka juga amat mengalu-alukan apa juga bentuk sumbangan dan bantuan dari mana-mana pihak dan badan korporat. Sebarang sumbangan boleh disalurkan dengan menghubungi pusat jagaan tersebut ditalian: 03-87330715 atau email: pjfmfikrah@gmail.com

Tamat

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi: -

Penolong Pengurus,
Bahagian Komunikasi Korporat & Jenama

Puan Zarina Idris

Tel: +603 4259 8336

Fax: +603-4259 8396

H/P: +6012-233 8834

E-Mail: Zarinaldris@i-great.com.my